

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

MCA HARAPKAN SOKONGAN RAKAN2 UNTUK KEKALKAN KERUSI SEREMBAN

KUALA LUMPUR, Ahad — Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan, berharap semangat kerjasama Barisan Nasional di Tampin akan diteruskan di Seremban untuk memastikan kemenangan besar calon BN di situ.

Ketika mengulas kemenangan calon BN dalam pilihanraya kecil Parlimen kawasan Tampin, beliau berkata kejayaan itu dicapai kerana kerjasama erat parti-parti komponen dan "sejarah itu boleh diukir kembali di Seremban".

Datuk Dr Neo yakin kerjasama erat Umno, MCA, MIC dan Gerakan di Tampin menyebabkan calon-calon Pas dan bebas hilang wang pertaruhan.

Pilihanraya kecil Parlimen kawasan Seremban diadakan kerana wakilnya, Datuk Lee San Choon, telah mengesahkan perletakkan jawatan beliau. Tetapi, tarikh pilihanraya itu belum ditentukan.

Datuk Lee, bekas Presiden MCA, akan menyerahkan surat perletakkan

jabatannya akhir bulan ini.

Menurut Datuk Dr Neo, MCA telah menggerakkan jentera pilihanrayanya untuk memastikan kemenangan calon BN di Seremban.

Mengikut amalan, sesuatu kerusi yang dikosongkan oleh mana-mana parti komponen BN akan ditanding oleh anggota parti yang sama, tetapi MCA belum menentukan bakal calonnya.

Datuk Dr Neo membayangkan calon itu nanti mungkin seorang wanita.